


# Muslim Friendly 5 Tarikan Di Taipei

Taiwan merupakan antara destinasi pelancongan yang mungkin masih tidak begitu popular di kalangan remaja Malaysia.

Menerokai Taiwan adalah satu pengalaman yang bukan saja menyeronokkan, malah berbentuk pendidikan untuk sama-sama kita merasai budaya dan warisannya yang unik.

Pulau kecil yang terletak di Asia Timur ini mempunyai pelbagai jenis lanskap, ekosistem hutan, pertanian dan marin. Lebih menarik lagi, pengunjung sudah tidak perlu risau bagaimana untuk mencari makanan Halal setelah Taipei mewujudkan persekitaran mesra Muslim.

Teks: NOOR AIN NORMAN




Raohe Street Night Market




Ximending

Pasar separang 600 meter ini dipenuhi dengan penjual sajian enak dan barang mampu milik. Ia merupakan salah satu pasar malam tertua di Taipei. Kalau nak shopping baju dengan diskaun hebat, boleh terus ke Rangkaian Wufeng yang terletak berhampiran.

Daerah ini sering kali dibandingkan dengan Harajuku di Jepun kerana terdapat banyak kedai-kedai hip di sini. Pelbagai pilihan fesyen, hiburan dan tempat makan menjadi tarikan utama golongan remaja seperti kita.




Houtong Cat Village



Yangmingshan National Park

Pekan ini merupakan kawasan perlombongan arang batu yang berakhir semasa kemerosotan industri tersebut pada tahun 90-an. Penduduk tempatan mula menjaga kucing terbiar yang ditinggalkan. Kemudian, ia dikenali sebagai perkampungan kucing. Siapa yang gila kucing wajib singgah okay!

Sinilah tempat paling sesuai untuk melakukan aktiviti luar sepanjang hari seperti menyusuri denai, laluan berbasikal, menikmati keindahan flora dan fauna serta menikmati mata air panas. Dari Januari hingga Mac, pengunjung berpeluang melihat keindahan bunga sakura mekar. Dari April hingga Mei pula, Taipei diwarnai musim bunga lili.



National Palace Museum

Khazanah negara sejak zaman-berzaman dipamerkan di dalam muzium bertaraf dunia ini. Asalnya direka sebagai istana China Utara, muzium ini menempatkan peninggalan sejarah, budaya dan seni dari negara China berusia 5000 tahun.